

Sumbangan Ilmuan Fiqah dalam Pemikiran Al-Ash'ariyyah

ABDULLAAH JALIL

[abdullaah@usim.edu.my]

Fakulti Ekonomi dan Muamalat

Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Malaysia

Abstrak

Kedudukan ulama' al-Ashā'irah sebagai tunggak asas bagi gagasan Ahli Sunnah dan Jama'ah (ASWJ) di dalam bidang aqidah dan pemikiran Islam adalah satu hakikat yang sangat jelas walaupun terdapat usaha sebahagian pihak yang cuba menafikan fakta ini. Keseimbangan pendekatan ASWJ al-Ashā'irah dalam mengintegrasikan aqli dan naqli dengan harmoni adalah salah satu sebab penerimaan secara meluas oleh para ulama' dari segenap tempat dan sepanjang masa. Gagasan ASWJ al-Ashā'irah ini juga mendapat sambutan dari kalangan ulama' dari pelbagai disiplin Islam khususnya ulama' fiqh dari empat mazhab Sunni yang utama. Para ilmuan fiqh yang bertanggungjawab memelihara dan membangunkan aspek hukum ahkam amali di dalam Shariat juga tidak ketinggalan di dalam memberikan sumbangan kepada perkembangan gagasan ASWJ al-Ashā'irah. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisa sumbangan terpilih para fuqahā' kepada pemikiran al-Ashā'irah. Metodologi kajian ini adalah berdasarkan analisa kandungan (content analysis) terhadap sumber-sumber sekunder bagi penulisan terdahulu di dalam bidang ini. Hasil kajian kertas kerja ini dapat menonjolkan beberapa aspek pemerksaan dan pembaharuan serta sumbangan yang dilakukan oleh para fuqaha' ASWJ ke dalam perkembangan pemikiran al-Ash'ariyyah.

Pendahuluan: Ilmuan Fiqh di dalam Kerangka ASWJ

Berdasarkan Hadith Jibril عليه السلام, Shariat Islam terdiri di atas tiga (3) bahagian utama iaitu Islam, Iman dan Ihsan. Islam adalah konotasi bagi cabang Fiqh, Iman adalah isyarat kepada cabang Aqidah dan Ihsan pula merujuk kepada cabang Tasawwuf. Menurut Jawdah al-Mahdi (2005), Allah ﷻ telah membangkitkan para ulama' di setiap zaman untuk memelihara ShariatNya ini. Ada yang dibangkitkan untuk memelihara cabang Islam, ada yang dibangkitkan untuk memelihara cabang Iman, dan ada yang dibangkitkan untuk memelihara cabang Ihsan. Para ulama' fiqh atau fuqaha' adalah mereka yang diberi kurniaan dan tawfiq oleh Allah ﷻ untuk memelihara cabang Islam ini daripada penyelewengan dan menyusunya dengan kaedah dan prinsip yang betul.

Dengan usaha yang dilakukan oleh para ulama' ini, maka amalan-amalan Shariat ini dinisbahkan kepada mereka. Penisbahan ini bukanlah bermaksud bahawa intipati dan hakikat ilmu tersebut tidak pernah wujud sebelum mereka tetapi penisbahan seperti ini

adalah kerana mereka adalah pihak yang berusaha mempertahankannya serta menerangkan kaedah-kaedahnya dan prinsip-prinsipnya, serta menyeru untuk beramal dengannya ketika ilmu tersebut semakin pudar (al-Ghumari). Dalam erti kata lain, para ulama' Islam yang bangkit dan memberi perhatian kepada sesuatu ilmu di dalam Shariat akan dinisbahkan kepada mereka mazhab atau tariqah atau qira'ah atau madrasah dengan nama-nama mereka di dalam bidang tersebut.

Ini juga memberi makna bahawa Allah ﷻ memelihara umat ini dengan menjadikan ulama' sebagai salah satu sebab utama bagi kelangsungan dan keberadaan umat Nabi Muhammad ﷺ di atas jalan yang benar. Berkenaan hakikat ini, Rasulullah ﷺ telah memberi jaminan bahawa umat Baginda ﷺ ini tidak akan sesekali bersepakat di atas kesesatan. Penerimaan majoriti ulama' di seluruh dunia sepanjang terhadap mazhab al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah di dalam bidang aqidah, empat mazhab Sunni utama di dalam bidang fiqh serta tariqah-tariqah para Sufiyyah di bidang tasawwuf adalah bukti jelas kebenaran para ulama' ini selain sanad-sanad mereka yang bersambung sehingga kepada Rasulullah ﷺ.

Para fuqaha' khususnya dari kalangan empat mazhab yang utama telah memainkan peranan yang sangat besar sejak kurun ke-2 dan ke-3 Hijrah sehingga ke hari ini dalam menerangkan hukum ahkam amali serta prinsip-prinsip halal dan haram. Abu Mansur al-Baghdadi (1977) (w. 429H) telah menyebut di dalam kitabnya "al-Farq bayn al-Firaq" bahawa golongan kedua daripada Ahli Sunnah dan Jama'ah adalah para imam dan ulama' di dalam bidang fiqh yang berpegang dengan mazhab *sifatiyyah* bagi Allah ﷻ iaitu menetapkan sifat-sifat yang layak bagiNya dengan iktiqad bahawa sifat-sifatNya jua adalah qadim, serta berlepas diri daripada golongan yang menafikannya. Beliau kemudiannya menyebut:

ويدخل في هذه الجماعة: أصحاب مالك، والشافعي، والأوزاعي، والثوري، وأبو حنيفة، وابن أبي ليلى، وأصحاب أبي ثور، وأصحاب أحمد بن حنبل، وأهل الظاهر، وسائر الفقهاء الذين اعتقدوا في الأبواب العقلية أصول الصفتية، ولم يخلطوا فقهه بشيء من بدع أهل الأهواء الضالة.

Bermaksud: "Dan termasuk di dalam kumpulan ini: para sahabat Malik, al-Shafi'i, al-Awza'i, al-Thawri, Abu Hanifah, Ibn Abi Layla, para sahabat Abu Thawr, para sahabat Ahmad Ibn Hanbal, para ahli zahir (Zahiriyyah/Dawud al-Zahiri) dan semua para fuqaha' yang beriktiqad di dalam bab-bab aqliyyah tentang asas-asas sifatiyyah, dan mereka tidak mencampurkan fiqh mereka dengan sesuatu perkara/pegangan daripada bid'ah-bid'ah ahli al-ahwa' dan kesesatan (ahli bid'ah)."

Berdasarkan pengkajian penulis, kedudukan para fuqaha' khususnya fuqaha' empat mazhab di dalam kerangka ASWJ dapat digambarkan seperti di dalam Gambarajah 1. Kerangka ASWJ dapat difahami dengan makna umum dan khusus. Makna umum bagi golongan ASWJ adalah:

Orang-orang Islam yang memiliki aqidah yang bertepatan dengan aqidah Rasulullah ﷺ, para Sahabat ﷺ, para imam dan mujtahid serta majoriti umat Islam sepanjang zaman.

Dalam makna yang khusus pula, ASWJ boleh didefinisikan dari beberapa sudut, iaitu: (i) masa, (ii) manhaj, (iii) mazhab aqidah, (iv) mazhab fiqh and (v) peranan dan tugas. Berdasarkan Gambarajah 1, kedudukan fuqaha' sebagai salah satu golongan daripada lapan (8) golongan ASWJ yang dinyatakan berdasarkan peranan dan tugas mereka oleh Abu Mansur al-Baghdadi dapat dilihat dengan jelas.

Gambarajah 1: Kedudukan Ulama' Fiqh Dalam Kerangka Ahli Sunnah dan Jama'ah

Sumber: Penulis

Ilmuan Fiqh: Perkembangan Secara Ringkas

Fiqh dari sudut bahasa bererti: "pengetahuan tentang sesuatu perkara, kefahaman tentangnya dan kebijaksanaan padanya." Dari sudut istilah pula, fiqh adalah merujuk kepada ilmu berkenaan hukum ahkam amali yang diambil daripada sumber-sumbernya yang terperinci atau khusus. Faqih pula adalah seseorang ilmuan Islam yang menguasai hukum ahkam fiqh berserta sumber-sumber pengambilannya, dan kata jamaknya adalah fuqaha'.

Di kalangan para sahabat Rasulullah ﷺ, terdapat lebih daripada 130 orang sahabat yang melakukan peranan ijthihad di dalam bidang fiqh dan mereka boleh dibahagikan kepada tiga bahagian seperti berikut:

Mereka Yang Banyak Berijthihad (<i>al-Mukthirun</i>) (7 orang)	Umar al-Khattab ﷺ, 'Ali Ibn Abi Talib ﷺ, 'Abdullah Ibn Mas'ud ﷺ, 'Aishah Umm al-Mu'minin ﷺ, Zayd Ibn Thabit ﷺ, 'Abdullah Ibn 'Abbas ﷺ, 'Abdullah Ibn 'Umar ﷺ
Mereka Yang Sederhana Dalam Berijthihad (<i>Al-Mutawassitun</i>) (13 orang)	Abu Bakr ﷺ, Ummu Salamah ﷺ, Anas Ibn Malik ﷺ, Abu Sa'id al-Khudri ﷺ, Abu Hurayrah ﷺ, 'Uthman Ibn 'Affan ﷺ, 'Abdullah Ibn 'Amr Ibn al-'As ﷺ, 'Abdullah Ibb al-Zubayr ﷺ, Abu Musa al-Ash'ari ﷺ, Sa'd Ibn Abi Waqqas ﷺ, Salman al-Farisi ﷺ, Jabir Ibn 'Abdullah ﷺ & Mu'adh Ibn Jabal ﷺ.
Mereka Yang Sedikit Dalam Berijthihad (<i>al-Muqillun</i>)	Abu al-Darda' ﷺ, Abu al-Yusr ﷺ, Abu Salamah al-Makhzumi ﷺ, Abu 'Ubaydah Ibn al-Jarrah ﷺ, Sa'id Ibn Zayd ﷺ, Al-Hasan Ibn 'Ali ﷺ, Al-Husayn Ibn 'Ali ﷺ, Nu'man Ibn Bashir ﷺ, Abu Mas'ud ﷺ, Ubayy Ibn Ka'b ﷺ, dll.

Kemudian, ijthihad di dalam bidang fiqh ini diteruskan di era Tabi'in. Di zaman ini, berlaku perkembangan beberapa madrasah utama iaitu:

- Madrasah al-Madinah (al-Hadith) – tokoh utama adalah Sa'id Ibn al-Musayyib
- Madrasah Makkah (al-Qur'an) – tokoh utama adalah 'Ata' Ibn Rabah
- Madrasah al-Kufah (al-Ra'yi) di Iraq – tokoh utama adalah Ibrahim al-Nakha'i dan Sha'bi

Pada zaman ini juga karangan-karangan ilmu di dalam Islam mula muncul, fatwa-fatwa para sahabat ﷺ mula diambil berat dan pengumpulan serta pengkajian riwayat hadith mula muncul. Setelah era ini, berlaku pula kemunculan para imam mujtahid mutlak yang mengasaskan kaedah ijthihad masing-masing dan mazhab-mazhab fiqh mula dibangunkan. Rujuk jadual di bawah.

Makkah	Sufyan Uyaynah; al-Shafi'i (Qadim)
--------	------------------------------------

Madinah	Malik Ibn Anas; Ja'far al-Sadiq (Syiah Imamiyyah)
Kufah	Abu Hanifah; Sufyan al-Thawri
Basrah	Al-Hasan al-Basri; Zayd Ibn 'Ali Zayn al-Abidin (Syiah Zaydiyyah)
Syam	Al-Awza'i
Baghdad	Ahmad Ibn Hanbal; Abu Thawr; Dawud al-Zahiri (mazhab Zahiri); al-Shafi'i (Qadim)
Mesir	Al-Layth Ibn Sa'd; al-Shafi'i (Jadid)
Oman	Jabir Ibn Zayd (mazhab Ibadiyyah)

Sebahagian daripada mazhab-mazhab ini telah pupus kerana beberapa faktor seperti kaedah istinbat yang ketat dan para pengikut mereka tidak mengembangkannya. Sebahagian mazhab pula dilanda dengan fitnah sehingga fatwa-fatwa yang dinisbahkan kepada mereka adalah diragui.

Berkenaan dengan hakikat penisbahan mazhab fiqh kepada para imam di generasi ini dan bukan kepada generasi ulama' di kalangan para Sahabat Rasulullah ﷺ, al-Nawawi (w. 676H) menjelaskan dengan berkata:

"Dan tidak boleh bagi si awam itu bermazhab dengan mazhab salah seorang daripada imam-imam di kalangan para sahabat r.anhum dan selain daripada mereka daripada generasi-generasi yang terawal, walaupun mereka lebih alim dan lebih tinggi darjatnya berbanding dengan (ulama') selepas mereka; ini adalah kerana mereka tidak meluangkan masa sepenuhnya untuk mengarang ilmu dan meletakkan prinsip-prinsip asas dan furu'nya. Maka tidak ada bagi salah seorang daripada mereka sebuah mazhab yang telah dihalusi, dianalisis dan diperakui. Hanyasanya, (ulama') yang datang selepas mereka yang merupakan pendokong mazhab para sahabat dan tabien lah yang melakukan usaha meletakkan hukum-hukum sebelum berlakunya perkara tersebut; yang bangkit menerangkan prinsip-prinsip asas dan furu' mereka seperti (Imam) Malik dan (Imam) Abu Hanifah dan selain dari mereka berdua."

Kemudian Imam al-Nawawi menjelaskan kelebihan mazhab Imam al-Shafie dari pandangan beliau dan dengan secara tersiratnya menerangkan mengapa beliau bermazhab dengan mazhab Imam al-Shafie:

"Dan oleh kerana Imam al-Shafie adalah merupakan imam yang terkemudian dari sudut masa, maka beliau telah melihat mazhab-mazhab mereka seperti mana mereka melihat mazhab-mazhab ulama' sebelum mereka. Maka beliau memperhalusinya, mengujinya dan mengkritiknya dan memilih yang paling rajih (kuat) dan beliau mendapat hasil daripada usaha ulama' sebelum beliau yang telah meletakkan gambaran dan pengasasan, maka beliau telah meluangkan masa untuk memilih dan mentarjih dan menyempurnakan dan meminda, dengan pengetahuan beliau dan kebijaksanaan beliau dalam pelbagai bidang ilmu. Dan dengan perkara ini beliau mendapat kedudukan yang lebih kuat dan rajih, kemudian

tidak ada selepas beliau, (alim) yang mencapai kedudukan seperti beliau dalam perkara ini. Maka dengan ini, mazhab beliau adalah mazhab yang paling utama untuk diikuti dan bertaqlid dengannya – dan ini dengan jelasnya bahawa kita mestilah berlaku adil dan tidak ada meletakkan sebarang sikap memandang rendah pada salah seorang daripada para imam. Hal ini, apabila diteliti oleh si awam akan memandunya kepada memilih mazhab Imam al-Shafie dan bermazhab dengannya.”

Al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah adalah Tunggak ASWJ di dalam Bidang Aqidah

Kedudukan al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah sebagai tunggak ASWJ di dalam bidang aqidah adalah hakikat yang amat jelas dan nyata. al-Majlis al-Islami li al-Ifta', Bayt al-Maqdis menyebut di dalam fatwanya bertarikh 25 November 2013, No. Soalan:14141¹:

لا أحد يخالف من أهل العلم قديماً أو حديثاً أن غالبية العلماء والسواد الأعظم للأمة على
فالحنفية جملة وتفصيلاً ماثريديية، والشافعية والمالكية ومعظم مدار قرون أشاعرة وماتوريديية
وهذا أمر لا ينتطح فيه عنزان ولا يختلف فيه اثنان. وهذا ما دللت عليه الحنابلة اشاعرة
مصنفاتهم ومؤلفاتهم التي ننداؤها عبر قرون، بحيث لا يمكن أحد أن يترقى في سلم التفقه
والتعلم إلا من خلالهم وعن طريق كتبهم

Maksudnya: “Tiada seorang pun yang berbeza pandangan dari kalangan ahli ilmu, dulu atau sekarang, bahawa kebanyakan/majoriti ulama’ dan golongan paling ramai dari kalangan umat Islam (al-sawad al-a’zam) sepanjang kurun adalah Asha’irah dan Maturidiyyah. Hanafiyyah secara umumnya dan terperinci adalah Maturidiyyah, manakala Shafi’iyyah, Malikiyyah dan kebanyakan Hanabilah adalah Asha’irah. Hakikat ini adalah satu perkara yang “tidak saling menanduk padanya dua ekor kambing”² dan tidak ada dua orang pun yang berbeza berkenaannya. Dan hakikat ini juga dibuktikan oleh kitab-kitab karangan mereka yang bersilih ganti digunakan oleh kita semua sepanjang kurun; di mana tidak ada seorang pun yang mampu menaiki tangga untuk bertafaqqh dan belajar (mendalami agama Islam) melainkan melalui mereka dan kitab-kitab mereka.”

Hakikat yang sama telah ditegaskan oleh tokoh besar dari kalangan ulama’ Islam di Jordan iaitu Dr. Nuh al-Qudah (1939M–2010H) - salah seorang mufti Jordan yang paling berkaliber dalam sejarah Jordan. Beliau menyebut di dalam Muqaddimah kitab beliau *al-Mukhtasar al-Mufid* yang merupakan syarahan / huraian bagi *Jawharat al-Tawhid* oleh Ibrahim al-Laqqani al-Maliki (1041H/1632H) - matan aqidah atas manhaj al-Asha’irah yang amat masyhur dalam disiplin aqidah:

“Dan di antara perkara yang patut dinyatakan adalah sesungguhnya tokoh-tokoh hebat daripada kalangan ulama’ umat Islam dari kalangan ahli hadith, ahli tafsir, ahli

¹ <http://www.fatawah.net/Questions/14141.aspx> [Akses: 18/10/2018]

² Kiasan bagi “tidak ada perbezaan pendapat berkenaannya.”

fiqh, ahli usul al-fiqh, ahli kalam (ulama' aqidah) – mereka adalah dari kalangan ulama' al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah. Ulama' mazhab Maliki, ulama' mazhab Shafi'ie dan ramai dari kalangan ulama' mazhab Hanbali – seperti Ibn al-Jawzi – adalah merupakan ulama' Asha'irah. Dan ulama' mazhab Hanafi adalah Maturidiyyah (kebanyakannya). Maka apakah yang patut dikatakan oleh seseorang yang mencaci dan menghina mereka di hari Kiamat nanti, sedangkan dia sendiri bergantung dengan mereka dalam ilmu-ilmu Shariah yang lain? Seandainya dia berbeza pendapat dengan mereka, namun dia mendiamkan diri, maka itu adalah lebih dekat dengan keselamatan (agamanya.)”

Muhammad Hasan Hito menyebut (al-Sinan & al-'Anjari, 2006):

“Maka ulama' mazhab Maliki kesemuanya adalah Asha'irah, dan ulama' mazhab Shafi'ie kesemuanya adalah Asha'irah, dan ulama' mazhab Hanafi kesemuanya adalah Asha'irah atau Maturidiyyah dan tidak ada perbezaan di antara mereka (pada hakikatnya), dan sebahagian besar daripada para imam dari kalangan ulama' mazhab Hanbali yang terdahulu adalah dari kalangan Asha'irah. Dan ini adalah secara umum.”

Berdasarkan keterangan di atas dan beberapa keterangan yang lain yang tidak dinyatakan di dalam kertas kerja ini, penulis menyediakan jadual di bawah bagi memberikan gambaran hubung kait di antara fuqaha' mazhab Sunni yang utama dengan al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah.

Jadual 1: Hubungan di antara Fuqaha' Empat Mazhab Fiqh ASWJ Dengan Mazhab Aqidah ASWJ

Mazhab Fiqh ASWJ	Manhaj Aqidah ASWJ
Hanafiyah	2/3 Maturidiyyah 1/3 Asha'irah
Malikiyyah	Asha'irah
Shafi'iyah	Asha'irah
Hanabilah	Fudala' al-Hanabilah (ASWJ) <ul style="list-style-type: none"> • Hanabilah Athariyyah • Hanabilah Asha'irah Ghulat al-Hanabilah (Bukan ASWJ) <ul style="list-style-type: none"> • Hanabilah Mujassimah/ Hashwiyyah

Sumber: Penulis

Sebenarnya kedudukan seorang ulama' ASWJ sebagai seorang tokoh disiplin fiqh (*faqih*) dan aqidah (*mutakallim*) dalam masa yang sama bukanlah satu perkara baru yang

asing. Sejarah umat Islam dipenuhi oleh tokoh-tokoh ulama' seperti ini. Berkenaan kedudukan empat mazhab fiqh Sunni ini di kalangan umat Islam, "The Muslim 500" menyatakan bahawa ke-empat empat mazhab fiqh ini membentuk 90% umat Islam, manakala bagi 9.5% dan 0.5% adalah Syiah dan Ibadiyyah (TheMuslim500.com).

Jadual 1: Empat Mazhab Fiqh ASWJ adalah Majoriti Umat Islam

Aliran	Mazhab	Peratusan
Sunni (90%)	Hanafiyyah	45%
	Shafi'iyah	28%
	Malikiyyah	15%
	Hanabilah	2%
Shi'ah (9.5%)	Zaydiyyah	1%
	Imamiyyah / Ja'fariyyah	8%
	Isma'iliyyah	0.5%
Ibadi (0.5%)		0.5 %
	Jumlah Keseluruhan	100%

Sumber: The Muslim 500 (2019)

Al-Shafi'iyah, al-Asha'irah dan al-Sufiyyah sebagai Salah Satu Gagasan ASWJ di Malaysia

Acuan gagasan Ahli Sunnah dan Jama'ah di Malaysia atau Tanah Melayu ini menyaksikan sinergi dan hubungan yang rapat di antara Mazhab al-Shafie sebagai aliran fiqh, mazhab Al-Asha'irah sebagai tunggak aqidah dan Al-Sufiyyah sebagai manhaj rohani. Lihat gambarajah di bawah:

Gambarajah 1: Gagasan Ahli Sunnah dan Jama'ah di Malaysia



Hakikat ini amat jelas dan dinyatakan oleh para ulama' dan ulil al-amr di Malaysia. Berikut adalah sebahagian daripada kenyataan yang berkaitan:

Wasiat al-Shaykh Abdullah Fahim

Seorang ulama' Tanah Melayu yang masyhur iaitu al-Sheikh Abdullah Fahim menyebut di dalam wasiatnya:

“Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah was sholatu was salamu 'ala Sayyidina Muhammad wa 'ala alihi wa ashabihi. (Amma ba'd), tuan-tuan sedia maklum beratus-ratus tahun bahawa orang bangsa Melayu seMalaya ini dari peringkat ke bawah hingga ke peringkat ke atas, awam-awam, qadhi-qadhi, ulama-ulama, menteri-menteri hingga raja-raja sekalian **mereka itu bermazhab dengan mazhab al-Imam asy-Syafi'i ijma'an** tiada seorang pun yang bermazhab lain daripada mazhab Syafi'i (yahrumu kharqul ijma' / diharamkan merobek ijma'). Ambil mereka itu hukum-hukum fiqh Syafi'i daripada kitab Tuhfah dan kitab Nihayah hingga kitab al-Umm dan mukhtasharatnya dan terjemahnya kepada bahasa Melayu seperti Sabilal Muhtadin, Bughyatuth Thullab dan Mathla'ul Badrain dan lainnya. **Usuluddin atas perjalanan Abu al-Hasan al-Asy'ari** diambikkan daripada syuruh dan hawasyi Ummul Barahin dan Jawharah dan sebagainya daripada kitab-kitab Melayu. **Ilmu tasawwuf atas perjalanan al-Imam al-Ghazali** diambikkan daripada Minhajul 'Abidin, Ihya' Ulumiddin dan terjemahnya kepada Melayu seperti Siyarus Salikin. Maka ini kitab-kitab dan seumpamanya segala hukum dalamnya kesemua mustanbath daripada Quran dan hadits yang dihalusi dan ditapis oleh ulama-u ajilla' (ulama yang cemerlang lagi terbilang) diamal dengan dia sudah lebih daripada 1000 tahun dan diterjemah kepada bahasa Melayu beratus-ratus tahun.”

Rujuk Lampiran 1 untuk melihat salinan wasiat beliau.

Dato' Mustapha Othman – Ketua Pengarah JAKIM

Dato' Othman Mustapha, Ketua Pengarah JAKIM pernah menyebut di dalam satu wawancaranya:

“Anutan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang menjadi tradisi di Malaysia merujuk kepada pengikut mazhab Syafieyah dan dari segi teologinya beraliran Asya'irah_tanpa menolak tiga mazhab lain yang muktabar. Dari segi akhlak atau rohaniyahnya dipengaruhi oleh pandangan Imam al-Ghazali.”

Sumber: Berita Harian, Ahad, 13 Disember 2013, m/s 30-31.

Pengaruh Imam al-Ghazali terhadap manhaj kesufian di tanah Melayu amat besar kerana selain menjadi tokoh besar dalam ilmu Tasawwuf, beliau juga adalah seorang tokoh besar dari kalangan ulama' mazhab al-Shafi'ie dan seorang tokoh besar di dalam mazhab

al-Asha'irah. Dengan kata lain, beliau adalah peribadi yang boleh dianggap melambangkan manhaj Ahli Sunnah dan Jama'ah di Malaysia.

Resolusi Konvensyen Akidah Antarabangsa 2014 (K-Akidah) – Negeri Sembilan

Resolusi Konvensyen Akidah Antarabangsa 2014 (K-Akidah) mengandungi tujuh resolusi yang penting. Resolusi in telah dibaca oleh Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd. Yusof Ahmad dan resolusi pertamanya jelas melambangkan gagasan Ahli Sunnah dan Jama'ah di Malaysia.

“1. Aqidah umat Islam di bumi Malaysia adalah Aqidah Ahli Sunnah wal Jama'ah (ASWJ) yang berteras kepada manhaj/ prinsip al-Asya'irah dan al-Maturidiah manakala dalam fiqhnya berpegang kepada mazhab Syafie melainkan dalam masalah ifta' serta Tasawwuf mengikut jalan Syeikh Junaid al-Baghdadi yang muktabar termasuk di dalam kerangka ASWJ.”

Sumber: Utusan Malaysia. 5 Disember 2014. Dalam Negeri. Tujuh Resolusi K-Akidah dirumus. Lihat Lampiran 2.

Muzakarah Fatwa Negeri Sembilan 2016

Negeri Sembilan melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwanya telah membuat keputusan untuk mentafrifkan istilah Ahli Sunnah dan Jama'ah dan keputusannya adalah seperti berikut³:

“Tarikh Keputusan : 25 Februari 2016

Setelah meneliti setiap pandangan ahli mesyuarat dan hujah-hujah yang dikemukakan, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 02/2016-1437H yang bersidang pada 25 Februari 2016 bersamaan 16 Jamadilawal 1437H telah bersetuju menerima cadangan takrifan berkaitan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam konteks Negeri Sembilan iaitu merujuk kepada kelompok majoriti umat Islam mereka yang berpegang dengan ajaran Islam yang sebenar berdasarkan al-Quran dan panduan Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan para ulama Islam muktabar serta berpegang dalam hal berkaitan dengan:

1. **Aqidah dan Tauhid**, berdasarkan pegangan Imam Abu Hasan al-Ash'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi.
2. **Fiqh dan Syariah**, berdasarkan **mazhab Shafii** di samping meraikan mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali.
3. **Tasawwuf**, berdasarkan manhaj ulama sufi berwibawa seperti Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali.”

³ Rujukan: <http://www.muftins.gov.my/index.php/arkib2/himpunan-fatwa/171-keputusan-mesyuarat-fatwa/933-tafsiran-pegangan-dan-aqidah-ahli-sunnah-wal-jamaah> . Tarikh akses: Ahad, 08 Mei 2016.

Sumbangan Fuqaha' kepada Pemikiran al-Ash'ariyyah

Berdasarkan hakikat yang dinyatakan di atas, kertas kerja ini bertujuan menganalisa sumbangan fuqaha' kepada pemikiran al-Ashā'irah berdasarkan hubungan yang rapat di antara kedua-duanya. Sumbangan para ilmuwan fiqh dalam pemikiran al-Ash'ariyyah pastinya tidak dapat dirangkumi di dalam penulisan kertas kerja ini. Ia adalah sebuah sejarah yang panjang dengan ratusan dan ribuan tokoh-tokoh ulama' dalam perkembangan ini. Namun begitu, hakikat yang tidak dapat ditolak ialah tokoh-tokoh al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah adalah terdiri daripada kalangan ulama' berkaliber yang menguasai pelbagai disiplin ilmu, termasuk ulama' yang besar di dalam disiplin ilmu fiqh.

Pembaharuan Manhaj al-Ashā'irah (al-Asha'irah al-Ghazaliyyah) oleh Hujjat al-Islam al-Ghazali

Hujjat al-Islam Abu Hamid Muhammad al-Ghazali (w. 505H) adalah seorang tokoh dalam pelbagai keilmuan Islam termasuk tiga bidang utama Shariat iaitu aqidah, fiqh dan tasawwuf. Beliau adalah mujtahid al-madhab atau salah seorang ashab al-wujud di dalam mazhab Shafie, seorang Imam di dalam disiplin tasawwuf serta tokoh penting di dalam manhaj al-Asha'irah. Buku-buku karangannya di dalam bidang fiqh adalah termasuk di dalam susur galur emas mazhab al-Shafie iaitu: al-Basit, al-Wasit dan al-Wajiz. Menurut (Abu Zahrah, n.d.), al-Qadi Abu Bakr al-Baqillani (w. 402H) berpegang bahawa aliran Abu al-Hasan al-Ash'ari bukan sahaja perlu dipegang pada natijahnya sahaja, tetapi juga pada *muqaddimat 'aqliyyah*nya. Namun begitu, aliran al-Asha'irah ini mula berubah selepas kedatangan Hujjat al-Islam al-Ghazali (w. 505H) Beliau berbeza pandangan dengan al-Qadi Abu Bakr al-Baqillani berkenaan kewajipan mengetahui *muqaddimat 'aqliyyah* di dalam ilmu aqidah seperti perbincangan tentang jawhar dan 'araḍ. Pada pandangan beliau ia bukanlah satu kewajipan Shari'i yang perlu diketahui oleh semua orang. Pendekatan beliau ini membawa kepada satu fasa baru di dalam aliran al-Asha'irah sehingga ia dikenali sebagai al-Asha'irah al-Ghazaliyyah. Dan kebanyakan ulama' al-Asha'irah yang datang selepas beliau membawa manhaj yang diketengahkan oleh beliau ini. Sebagai contoh adalah al-Baydawi (w. 701H) dan al-Sayyid al-Sharif al-Jurjani (w. 816), seorang faqih mazhab Hanafi dan mahir dengan ilmu-ilmu 'aqliyyah (Abu Zahrah, n.d.).

Pengharmonian Di antara Naqli dan Aqli Dengan Pelbagai Pendekatan

Menurut Nizar Hammadi, pendekatan ulama' al-Ashā'irah di dalam integrasi aqli dan naqli boleh dibahagikan kepada tiga jenis bentuk: (i) Naqli lebih banyak berbanding aqli, (ii) Aqli lebih banyak berbanding naqli, & (iii) Naqli dan aqli digabungkan secara seimbang.

Contoh ulama' yang mengambil pendekatan pertama adalah al-Nawawi (w.676H) dan Ibnu Hajar al-'Asqalani (w.852H) serta contoh bagi bagi pendekatan kedua adalah Fakhr al-Din al-Razi (w.606H) dan Sa'd al-Din al-Taftazani (w.793H). Manakala Abu Hamid al-Ghazali (w.505H) adalah tokoh yang dapat mengimbangkan di antara kedua-dua aspek tersebut. Dapatan beliau ini menunjukkan bahawa para ulama' al-Ashā'irah dari kalangan fuqaha' dapat mengimbangkan dan memperkuatkan keharmonian di antara sumber naqli dan aqli di dalam perbincangan mereka. Kekuatan aspek naqli di dalam al-Ashā'irah juga dapat dilihat apabila ramai para ulama' hadith dan tafsir adalah daripada mereka. Nuh al-Qudah menyebut di dalam muqaddimah "al-Mukhtasar al-Mufid" bahawa "*jaguh-jaguh ulama' Muslimin daripada ulama' hadith, ulama' tafsir, ulama' fiqh, ulama' usul al-fiqh dan ulama' aqidah - mereka adalah daripada al-Ashā'irah dan al-Maturidiyyah*" (al-Qudah, 1999).

Perincian "Metodologi Tafwid"

Hujjat al-Islam al-Ghazali juga telah menghuraikan metodologi tafwid bagi nas-nas mutashabihat dengan pendekatan yang paling lengkap dan sempurna. Di dalam kitab beliau "Iljam al-'Awam 'an 'Ilm al-Kalam", al-Ghazali telah menggariskan panduan yang sangat jelas dan mantap bagi orang awam khususnya dalam beradab dan berinteraksi dengan nas-nas mutashabihat agar tidak tergelincir dari hakikat pegangan generasi Salafus Soleh. Kitab "Iljam al-Awam" adalah kitab terakhir yang ditulis oleh beliau di dalam bidang aqidah bagi mempertahankan manhaj ASWJ Al-Ashairah di dalam perkara ini. Kitab ini ditulis bagi menolak dakwaan golongan Hashwiyah, Mujassimah dan Mushabbihah yang mengambil makna-makna zahir nas-nas mutashabihat sehingga mereka menyifatkan Allah dengan sifat-sifat anggota dan jisim tetapi menyangka bahawa mereka berpegang dengan pegangan Salafus Soleh. Berikut adalah tujuh (7) prinsip yang telah ditakhrijkan oleh beliau berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta amalan dan perkataan para Salafus Soleh berkenaan hal ini.

Jadual 2: Tujuh Kaedah (Adab-adab) Salafus Soleh Dengan Nas-Nas Mutashabihat Menurut Hujjat al-Islam al-Ghazali

Bil.	Kaedah	Huraian
1	al-Taqdis (Mentaqdiskan)	Mensucikan Allah daripada jismiyyah (sifat-sifat jisim) dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
2	al-Tasdiq (Membenarkan)	Beriman dengan sabdaan Nabi r dan apa yang Baginda sabdakan adalah haq; dan Baginda dalam sabdaan Baginda adalah benar; dan apa yang Baginda katakan adalah benar dalam bentuk yang Baginda katakan dan maksudkan.
3	al-I'tiraf bi al-'Ajz (Mengiktiraf kelemahan)	Hendaklah seseorang itu mengakui dan mengiktiraf bahawa pengetahuan maksud hakikat sebenar adalah di luar kemampuannya; dan pengetahuan maksud hakikat sebenar itu bukanlah tanggungjawab dan pekerjaannya (tidak diperintah oleh Shara' untuk mengetahuinya).

4	al-Sukut (Berdiam diri)	Tidak bertanyakan makna sebenarnya dan tidak mendalami maknanya; dan hendaklah dia tahu bahawa pertanyaannya mengenai maknanya adalah bid'ah; dan pendalaman maknanya boleh membahayakan agamanya; dan dia boleh terjebak dalam kekufuran oleh sebab itu.
5	al-Imsak (Menahan)	Tidak menukar bentuk nas-nas mustahabat tersebut dengan ditambah dan dikurangkan sebahagiannya; atau dikumpulkan atau diasingkan; dan tidak menukarkannya (menterjemahkannya) ke bahasa yang lain ; bahkan nas-nas (al-Quran dan hadis) tersebut tidak dibaca melainkan dengan bentuk, lafaz dan ibarat (susunan) yang asal.
6	al-Kaff (Menegah)	Menegahkan dirinya daripada menyelidik dan memikir tentangnya.
7	al-Taslim li ahlih (Menyerahkan kepada yang ahli)	Kalaulah seseorang itu tidak mampu memahami nas-nas tersebut kerana kelemahan dirinya, hendaklah dia tidak mengi'tiqad yang demikian (kelemahan) kepada Rasulullah r., para anbiya', siddiqin dan awliya'.

Sumber: (al-Ghazali, n.d.)

Perincian Metodologi Takwil dan Tafwid

Di antara isu yang membezakan pendekatan ASWJ dan ahli bid'ah adalah berkenaan metodologi mereka dalam berinteraksi dengan nas-nas mutashabihat. ASWJ berinteraksi dengan nas-nas mutashabihat berdasarkan kaedah tafwid dan takwil serta berpegang dengan prinsip tanzih di dalam bab ini. Golongan ahli bid'ah pula berpegang dengan kaedah ithbat atau berpegang dengan makna yang zahir dan ta'til iaitu menafikan makna bagi nas tersebut. Rujuk Gambarajah di bawah.

Gambarajah 2: Perbezaan Metodologi ASWJ dan Ahli Bid'ah Dalam Berinteraksi dengan Nas Mutashabihat

Menurut Ibnu Daqiq al-‘Id, kedudukan nas-nas mutashabihat boleh diperincikan lagi dengan membezakan kekuatan tafwid dan takwil. Terdapat nas mutashabihat yang lebih rajih untuk ditakwil berbanding ditafwid; ada yang lebih kuat untuk ditafwidkan berbanding ditakwil dan ada yang kedudukannya sama kuat di antara takwil dan tafwid. Menurut beliau, perincian sebegini adalah merupakan tahqiq di sisi ulama’ al-Asha’irah.

Jadual 3: Perincian Metodologi Tafwid dan Takwil Bagi Nas-nas Mutashabihat



Formula Padat Aqidah 50 atau Sifat 20

Di antara sumbangan pada fuqaha’ yang signifikan kepada perkembangan pemikiran al-Asha’irah adalah ringkasan aqidah yang dilakukan oleh Muhammad Ibn Yusuf al-Sanusi (w. 895H) di dalam kitabnya “Umm al-Barahin”. Beliau adalah seorang tokoh di dalam mazhab Maliki selain daripada seorang tokoh al-Asha’irah. Aqidah 50 atau aqidah Sifat 20 ini adalah satu pendekatan yang sistematik dalam membina kefahaman asas Tauhid dan Tasdiq berdasarkan dua kalimah shahadah. Ia boleh diringkaskan dengan jadual di bawah.

Jadual 4: Formula Aqidah 50 atau Sifat 20 Sebagai Asas Iman (Tafsili): Tauhid dan Tasdiq di dalam Matan Umm al-Barahin

مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ			لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ		
Tasdiq: Membenarkan Rasulullah r pada setiap apa sahaja yang Baginda sampaikan			Tauhid: Mengesakan Allah pada ZatNya, SifatNya dan PerbuatanNya <i>al-Istighna’</i> dan <i>al-Iftiqar</i>		
Wajib	Mustahil	Harus	Wajib	Mustahil	Harus
4	4	1	20	20	1
9			41		
50 Simpulan Aqidah					

Sumber: Penulis

Beliau berkata (al-Sanusi, 2009):

فَقَدْ بَانَ لَكَ تَضْمُنُ كَلِمَتِي الشَّهَادَةَ مَعَ قَلَّةِ حُرُوفِهَا لِجَمِيعِ مَا يَجِبُ عَلَيَّ الْمُكَلَّفِ مَعْرِفَتُهُ مِنْ عَقَائِدِ
أَعْلَاهَا لِإِخْتِصَارِهَا مَعَ انْتِمَالِهَا إِلَى الْإِيمَانِ فِي حَقِّهِ تَعَالَى وَفِي حَقِّ رُسُلِهِ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ. وَ
عَلَى مَا ذَكَرْنَاهُ جَعَلَهَا الشَّرْعُ تَرْجَمَةً عَلَى مَا فِي الْقَلْبِ مِنَ الْإِسْلَامِ، وَلَمْ يَقْبَلْ مِنْ أَحَدٍ الْإِيمَانَ إِلَّا
بِهَا.

Maksudnya: “Maka sesungguhnya telah nyata bagi kamu bahawa kedua-dua kalimah Shahadah ini walaupun sedikit hurufnya mengandungi kesemua apa yang wajib ke atas mukallaf untuk mengetahuinya daripada simpulan-simpulan iman pada hak Allah ﷻ dan pada hak rasul-rasulNya – ke atas mereka rahmat dan kesejahteraan. Dan lantaran ringkasnya ia (dua kalimah Shahadah) namun rangkumannya yang sempurna bagi apa yang telah kami sebutkan, maka Shara’ telah menjadikannya sebagai terjemahan bagi apa yang ada di dalam hati daripada Islam; dan Shara’ tidak menerima keimanan seseorang melainkan dengannya.”

Ringkasan yang sangat padat dan asas ini telah mendapat sambutan dari ulama’ al-Asha’irah selepas beliau dan mempunyai pengaruh yang amat besar bagi perbahasan aqidah di alam Melayu (Zin & Hamat, 2009). Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman sendiri telah menjelaskan kewajipan aqidah ini dipelajari umat Islam agar asas-asas aqidah mereka sempurna dan diperlihatkan. Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman menyebut di dalam fatwanya (Fatwa ke-6/ Bahagian Tauhid) (JMNKDA, n.d.):

“6. Pandangan Berkenaan Sifat 20 dan Aqidah Tahawiyyah

Jawatankuasa berpendapat adalah wajib pada Shara’ diperkenal dan dipelajari sifat-sifat Allah yang dua puluh, seperti diperjelaskan di dalam kitab-kitab Tauhid, oleh kanak-kanak mahupun orang-orang dewasa, khususnya bagi orang-orang ‘ajam yang tiada mengetahui bahasa Arab dan tiada mengenal erti ayat-ayat al-Qur’an dan tiada memadai bagi mereka dengan hanya mempelajari Tauhid menurut cara Tahawiyyah kerana Tahawiyyah tiada memperkenalkan dengan tafsil sifat-sifat yang 20 yang wajib bagi Allah yang termasuk di dalam aqa’id al-Iman yang mana dengan sebab tiada mengetahui mana-mana satu daripada sifat yang 20 itu akan menjejaskan ‘aqa’id al-Iman. Tahawiyyah adalah sesuai bagi orang yang telah mengenali sifat-sifat 20 itu dan bagi orang-orang yang benar-benar memahami al-Qur’an.”

Mengadunkan Pengajian Aqidah, Fiqh dan Tasawwuf Sebagai Asas Fardu ‘Ayn

Pengadunan asas-asas aqidah, fiqh dan tasawwuf ASWJ oleh para fuqaha’ ASWJ di dalam satu kitab dapat dilihat sebagai contoh di dalam kitab Ihya’ ‘Ulum al-Din oleh Hujjat al-Islam al-Ghazali, al-Maqasid oleh al-Nawawi, dan Tanwir al-Qulub oleh Muhammad Amin al-Kurdi. Penggabungan ketiga-tiga disiplin ilmu ini dalam satu penulisan menyediakan satu keharmonian dan keseimbangan di dalam membina asas-asas agama di kalangan penuntut ilmu dan masyarakat awam. Penggabungan di antara ketiga-tiga disiplin ini di dalam satu kitab juga membuktikan penekanan ulama’ ASWJ agar asas-asas Shariat digabungkan dan diambil dengan sempurna.

Memperincikan Penerangan Kebatilan Aqidah Yang Batil dengan Hujah dan Bayan Naqli dan Aqli

Terdapat begitu ramai para fuqaha' dari kalangan empat mazhab fiqh yang bangkit menentang fahaman dan pemikiran yang menyeleweng daripada ASWJ al-Asha'irah di dalam sejarah Islam. Sebagai contoh:

- Hujjat al-Islam al-Ghazali al-Shafi'i (w. 505H) menolak pengaruh falsafah yang batil di dalam "Tahafut al-Falasifah" dan "al-Munqidh min al-Dalal".
- Ibn al-Jawzi al-Hanbali (w. 597H) yang bangkit menentang golongan Hanabilah Mujassimah di dalam mazhabnya. Perkara ini boleh dilihat melalui kitab beliau "Daf' Shubah al-Tashbih bi Akaff al-Tanzih".
- Taqiyy al-Din al-Hisni al-Shafi'I (w. 829H) juga bangkit menentang fahaman tajsim dan mempertahankan Imam Ahmad Ibn Hanbal dari dakwaan aqidah tajsim di dalam kitabnya "Daf' Shubah Man Shabbah wa Tamarrad."

Kesimpulan

Pada hakikatnya, sumbangan para fuqaha' kepada perkembangan pemikiran al-Asha'irah adalah begitu banyak dan tidak mampu dipersembahkan dan dibincangkan di dalam lembaran kertas kerja ini. Para ulama' fiqh yang mengambil peranan dalam perkembangan pemikiran ASWJ al-Asha'irah adalah juga para ulama' aqidah dalam waktu yang sama. Kewujudan para ulama' Islam yang bersifat ensiklopedik dan menguasai pelbagai disiplin ilmu seperti ini menjadi pemangkin kepada perkembangan mazhab ASWJ al-Asha'irah secara seimbang dan holistik.

Secara umumnya dapat dilihat bahawa dua mazhab fiqh yang paling berpengaruh dalam kerangka ASWJ al-Asha'irah adalah dari kalangan ulama' Shafi'iyah dan Malikiyyah. Kemudian dituruti oleh para ulama' Hanafiyyah serta Hanabilah. Ini adalah berdasarkan hakikat bahawa ulama' Shafi'iyah dan Malikiyyah adalah bermanhaj al-Asha'irah secara umumnya, manakala Hanafiyyah kebanyakannya adalah bermanhaj Maturidiyyah. Ulama' mazhab Hanbali pula terbahagi kepada Asha'irah dan Athariyyah secara umumnya. Namun begitu fitnah tajsim yang pernah melanda mazhab ini telah mencetuskan ketegangan di antara mazhab ini dan aliran ASWJ al-Ash'airah.

Penerimaan ulama' empat mazhab fiqh Sunni terhadap aqidah al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah adalah merupakan satu bukti yang amat jelas berkenaan kedudukan aqidah para imam mazhab yang empat. Para fuqaha' empat mazhab ini bukan sahaja mewarisi disiplin fiqh dan usul al-fiqh daripada imam mazhab mereka, bahkan mereka juga mewarisi aqidah imam mazhab mereka. Kesepakatan mereka ini sebenarnya adalah satu bukti bahawa aqidah imam empat mazhab adalah selari dengan aqidah yang disusun oleh Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari dan ulama' ASWJ al-Asha'irah. Ia juga memberi maksud bahawa ulama' al-Asha'irah sebenarnya tidak mencipta aqidah yang baru dan ganjil. Bahkan aqidah al-Asha'irah adalah merupakan manifestasi kepada aqidah para Imam empat mazhab fiqh

dan hakikat ini jelas bertentangan dengan dakwaan golongan ekstrim bahawa aqidah al-Asha'irah adalah bertentangan dengan imam mazhab yang empat.

Bibliografi

- 'Ali Jumu'ah. (2005). *Al-Bayan Lima Yashgal/ Yushghil al-Adhhan*. al-Qahirah: Al-Muqatam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 'Ali Jumu'ah. (2009). *al-Madkhal ila Dirasat al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- 'Ali Jumu'ah. (2015). *'Aqidat Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah* (5 ed.). al-Qahirah: Dar al-Muqattam.
- Abu Mansur al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir. (1977). *al-Farq bayn al-Firaq*. Bayrut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Abu Zahrah, Muhammad. (n.d.). *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah fi al-Siyasah wa al-'Aqa'id wa Tarikh al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-^cArabi.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. *al-Munqidh min al-Dalal*. al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. *Tahafut al-Falasifah*. al-Qahirah: Dar al-Ma'arif bi Misr.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (n.d.). *Ijlam al-'Awam 'an Ilm al-Kalam*.
- al-Himyari, 'Isa Ibn Abdullah Mani'. (1998). *Al-Mafahim al-'Aqdiyyah fi al-Sifat al-Ilahiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Nawawi, Yahya Sharaf. *al-Majmu' : Sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*. Jaddah: Maktabat al-Irshad.
- al-Nawawi, Yahya Sharaf. (1992). *al-Maqasid (Maqasid al-Muhaddith al-Hujjah al-Imam Muhyi al-Din al-Nawawi fi al-Tawhid wa al-'Ibadah wa Usul al-Tasawwuf)*: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- al-Qawasimi, Akram Yusuf ^cUmar. (2003). *al-Madkhal ila madhhab al-Imam al-Shafi'c*. ^cAmman: Dar al-Nafa'is.
- al-Qudah, Nuh 'Ali Salman. (1999). *al-Mukhtasar al-Mufid fi Sharh Jawharat al-Tawhid*. 'Amman: Dar al-Razi.
- al-Sanusi, Muhammad. (2009). *Umm al-Barahin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sinan, Hamd, & al-'Anjari, Fawzi. (2006). *Ahl al-Sunnah al-Asha'irah: Shahadat 'Ulama' al-Ummah wa Adillatuhum*. Kuwayt: Dar al-Diya'.
- Ibn al-Jawzi, Abdurrrahman Ali. *Daf' Shubah al-Tashbih [bi Akaff al-Tanzih]*. al-Qahirah: al-Maktabah al-Azhariyyah li al-Turath.
- Ibn Asakir, Ali Hasan. (1995). *Tabyin Kadhib al-Muftari 'ala Abi al-Hasan al-Ash'ari*. Bayrut: al-Jayl.
- JMNKDA. (n.d.). *Himpunan Fatwa Negeri Kedah 2*. Alor Setar: Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman (JMNKDA).
- Taqiyy al-Din al-Hisni. *Daf' Shubah Man Shabbah wa Tamarrad wa Nasab Dhalik ila al-Imam*

Ahmad Ibn Hanbal.

TheMuslim500.com. *The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslim 2019*

Retrieved from <https://www.themuslim500.com/wp-content/books/M500-2019-10years-Free eBook.pdf>

Zin, Engku Ku Hassan Engku Wok, & Hamat, Mohd Fauzi. (2009). Pengaruh Umm al-Barahin Karangan al-Sanusi Dalam Penulisan Karya Akidah Melayu. *Jurnal Usuluddin*, 30(2), 1-31.